# PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

## 2.1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan

**Perlembagaan:** Undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan sesebuah negara.

⭐ Asas Pembentukan Perlembagaan

Undang-undang Negeri Melayu

- Raja sebagai pemerintah.
- Rakyat memberikan ketaatsetiaan.
- Undang-undang dan sistem pemerintahan ditentukan oleh raja.
- Undang-undang yang wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka (Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka) mempengaruhi kandungan undang-undang bertulis di negeri Melayu yang lain. Contoh: Hukum Kanun Pahang

Diimbas dengan CamScanner

Undang-undang Inggeris

- British memperkenalkan undang-undang di Negeri-Negeri Selat (NNS) yang dikenali sebagai Charter of Justice.
- Diambil daripada undang-undang yang digubal di England.
- Piagam terpilih yang bersesuaian dengan kegunaan NNS sahaja diguna pakai.

Contoh: Charter of Justice 1807



**Proclamation.**

*WHEREAS it is Our Will and Pleasure to Commemorate this Centenary Year of Brooke Rule in Sarawak by the Inauguration of Constitutional Reforms which will replace Our Absolute Rule by a Form of Government on a Broader Basis and Facilitate the Gradual Development of Representative Government on Democratic Principles.*

*We hereby Declare that We have Charged and Directed Our Committee of Administration to draw up the Required Legislative Measures and to submit them for Our Consideration together with Every Necessary Step to give Effect thereto.*

*Given under Our Hand and Seal*
*at Kuching, Sarawak,*
*this 21st day of March, 1941.*

C. V. BROOKE,
*Rajah of Sarawak.*

Diimbas dengan CamScanner

- Di Sarawak, The Sarawak Application of laws Ordinance 1949 menggunakan The Common Law of England.
- Di Sabah, terdapat undang-undang yang sama disebut Sabah Application of Laws Ordinance 1951.

| Sarawak | Sabah |
|---|---|
| • [1956] Perlembagaan memberikan kuasa kepada badan membuat undang-undang, iaitu Council Negri (Majlis Negeri) yang mengandungi 45 orang ahli dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha.<br>• Majlis Tertinggi:<br>  ○ Pengerusi: Gabenor<br>  ○ Anggota: Ketua Setiausaha, Setiausaha Kewangan dan Peguam Negara.<br>• Perlembagaan Sarawak (1959) memberikan kuasa pentadbiran negeri kepada Majlis Tertinggi dan Council Negri. | • [1950] Ditubuhkan Majlis Undangan dan Majlis Kerja.<br>• Majlis Undangan memberikan kuasa kepada Gabenor untuk menggubal undang-undang dalam pemerintahannya. |

Diimbas dengan CamScanner

# 2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

**1877**

- Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak (1877)
  - Dipengerusi oleh Raja Muda Yusuf
  - Menjadi titik tolak kepada pembentukan undang-undang negara.
- Majlis Negeri Perak berperanan untuk menggubal undang-undang bagi negeri Perak.



Raja Muda Yusuf (duduk di tengah) bersama sama Sir Hugh Low (berdiri di depan) di Kuala Kangsar, Perak, pada tahun 1880

**1946**

- Undang-undang di
  - NNS digubal oleh Majlis Undangan Negeri.
  - Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) digubal oleh Majlis Persekutuan.
  - Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) digubal oleh Majlis Negeri.

**1948**

- Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
  - Pembentukan sebuah Persekutuan yang terdiri daripada negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang.
  - Kandungan:
    - Pentadbiran, kuasa raja Melayu, perundangan dan kewarganegaraan.



Raja-raja Melayu bersama-sama Jeneral Sir Gerald Walter Robert Templer, Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu semasa Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-25

**1957**

- Suruhanjaya perlembagaan ini dikenali sebagai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhan Reid.
- Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 disesuaikan dengan model Westminster yang diambil dari Britain.
- Dikuatkuasakan selepas kemerdekaan (31 Ogos 1957).



Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957

Diimbas dengan CamScanner

**Informasi**

<u>5 perkara terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957:</u>

- Kerajaan Persekutuan yang kukuh.
- Menjamin kedudukan Raja-raja Melayu.
- Menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.
- Parlimen hendaklah mengandungi 2 dewan: Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
- Kewarganegaraan yang sama.

Diimbas dengan CamScanner

## 2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan

**Perlembagaan:**

- Peraturan tertinggi dan panduan dalam sistem pemerintahan negara.
- 2 ciri utama: tradisional dan moden

Diimbas dengan CamScanner

# Ciri Tradisional

| Ciri | Huralan |
|---|---|
| 1.) Kesultanan atau Pemerintahan Beraja | • Sebelum kemerdekaan<br>○ Negeri Melayu diperintah berdasarkan pemerintahan beraja.<br>○ Sultan merupakan pemerintah berdaulat dan memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing.<br>• Selepas kemerdekaan<br>○ Pemerintahan beraja diteruskan dan disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen.<br>○ Yang di-Pertuan Agong = pemerintah tertinggi negara.<br>■ Kuasa: Mengampun dan menangguhkan hukuman orang yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah; Membuat pelantikan bagi jawatan utama negara.<br>○ Peringkat negeri, raja = ketua negeri<br>■ Kuasa: Kuasa eksekutif yang dilaksanakan melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri; Mengampun dan menangguhkan hukuman kepada mereka yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah serta pelantikan jawatan utama negeri.<br>■ Dikenali sebagai tonggak kehormatan. |
| 2) Agama Islam | • Pada zaman British, raja di negeri Melayu tidak perlu menerima nasihat daripada penasihat British berkaitan dengan hak dan kedaulatan raja, adat istiadat, orang Melayu dan agama Islam.<br>• Selepas merdeka,<br>○ Agama Islam bagi negeri Melayu terletak di bawah kuasa raja di negeri masing-masing.<br>○ Bagi Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja, perkara ini terletak di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong. |
| 3) Bahasa Melayu (BM) | • BM<br>○ Digunakan dalam pemerintahan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.<br>○ *Lingua franca*<br>○ Memainkan peranan penting sebagai bahasa ilmu.<br>○ Kini, menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita. |
| 4) Kedudukan Orang Melayu dan Bumiputera | • Sebelum merdeka<br>○ Kedudukan orang Melayu dan bumiputera adalah di bawah kuasa raja dan ketua peribumi.<br>• Selepas merdeka,<br>○ Yang di-Pertuan Agong diberi tanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah serta kepentingan sah kaum lain. |

Diimbas dengan CamScanner

# ⭐ Ciri Moden

| | |
|---|---|
| 1) Kerajaan Persekutuan | • Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyarankan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi kuasa dalam bidang tertentu.<br>• Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diberi beberapa autonomi. |
| 2) Sistem Demokrasi Berparlimen | • Pilihan raya umum (1955)<br>• Tujuan utama pilihan umum adalah untuk memberikan kebebasan kepada rakyat memilih wakil pemimpin dan menubuhkan kerajaan.<br>• Suruhanjaya Pilihan Raya memastikan keadilan<br>• Pilihan raya persekutuan memilih wakil bagi membentuk Kerajaan Persekutuan.<br>• Pilihan raya negeri memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Negeri. |
| 3) Kewarganegaraan | • Mula diperkenalkan pada tahun 1948.<br>• Sebelum itu, tidak terdapat satu kewarganegaraan yang sama bagi seluruh negara.<br>○ Rakyat dikategorikan sebagai rakyat raja dan kerakyatan British (jika dilahirkan di Melaka/ Pulau Pinang) |

## 💡 Informasi

- Sebelum pembentukan Malaysia, Sarawak dan Sabah mempunyai sistem pemilihan secara tidak langsung.
- Sistem pemilihan melalui pilihan raya di Sarawak diadakan mulai tahun 1969.
- Sabah menggantikan sistem ini pada tahun 1967.
- Sistem ini membolehkan pembubaran Dewan Undangan Negeri pada tahun 1967 dan diadakan pemilihan secara pilihan raya.

Diimbas dengan CamScanner

## 2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

Pindaan Perlembagaan 1963

- Dipinda selepas pembentukan Malaysia.
- Dibuat dengan cara memasukkan klausa baharu pada bahagian tertentu bagi menyesuaikannya dengan keperluan semasa.

**3 perkara utama:**

| |
|---|
| 1. Struktur Mahkamah Atasan<br>a. Ditetapkan mengikut model Mahkamah Tertinggi England yang membahagikannya kepada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rayuan.<br>b. Apabila Malaysia dibentuk,<br>i. Mahkamah Atasan = Mahkamah Persekutuan<br>ii. 3 buah Mahkamah Atasan<br>1. Persekutuan Tanah Melayu<br>2. Sarawak dan Sabah<br>3. Singapura<br>iii. Mahkamah Persekutuan boleh mendengar mana-mana persoalan perlembangan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. |
| 2. Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo |
| 3. Jawatan Yang di-Pertua Negeri<br>a. Sarawak dan Sabah diketuai oleh Yang di-Pertua Negeri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.<br>b. Yang di-Pertua Negeri perlu mengikut nasihat<br>i. Majlis Tertinggi bagi Sarawak<br>ii. Kabinet Negeri bagi Sabah |

Diimbas dengan CamScanner

Pindaan Perlembagaan 1965

- [7/8/1965] Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj selaku Perdana Menteri Malaysia pertama, membawa usul pindaan perlembagaan yang dinamakan pindaan Singapura di Parlimen.
- Parlimen melulus usul - Singapura keluar daripada Malaysia.
- Semua perkara Singapura dalam Perlembagaan Malaysia dimansuhkan.



Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (tiga dari kiri) menghadiri persidangan akhbar bagi menerangkan kepada wartawan tentang perkara yang menyebabkan pemisahan Singapura daripada Malaysia di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pad 9 Ogos 1965.

TAMAT BAB 2

Diimbas dengan CamScanner